

**HUBUNGAN ANTARA KEPEMIMPINAN PENGAJARAN GURU
DENGAN EFIKASI GURU DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH
SANDAKAN, SABAH**

ZULAIN BIN AWANG TAUL

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah
Sarjana Pendidikan**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: HUBUNGAN ANTARA KEPEMIMPINAN PENGAJARAN GURU DENGAN EFIGASI GURU DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH SANDAKAN, SABAH

IJAZAH: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)

SAYA: ZULAINNE BIN AWANG TAUL **SESI PENGAJIAN:** 2011/2013

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh:

(ZULAINNE BIN AWANG TAUL)

(DR. KHALID JOHARI)

Alamat Tetap: Peti Surat 327, Kg. Laut,
89608, Papar,
Sabah.

Tarikh: 18 Februari 2013

Tarikh: 20-2-13

CATATAN:-* Potong yang tidak berkenaan.

- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
 @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 Februari 2013



ZULAINNE BIN AWANG TAUL
PT20107468C

PENGHARGAAN

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jualah saya telah dapat menghabiskan penyelidikan ini dengan sempurna. Tanpa izinNya, bantuan dan kerjasama dari semua pihak mungkin penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Budi baik anda semua hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Khalid Johari yang sudi memberi bantuan, bimbingan, motivasi, dan tunjuk ajar yang tidak terhingga sehingga saya mampu menyelesaikan penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial iaitu Profesor Dr. Vincent Pang, Profesor Madya Dr. Cristina Ligadu dan Dr. Sofia Abdullah yang telah banyak menabur ilmu kepada saya.

Saya juga berterima kasih kepada pengetua-pengetua dan guru-guru, rakan-rakan di daerah Sandakan dan Kota Kinabalu yang telah memberi kerjasama dan bantuan untuk menjayakan penyelidikan ini. Tanpa pertolongan dan kerjasama mereka, penyelidikan ini tidak akan dapat dilaksanakan.

Ucapan berjuta-juta terima kasih juga kepada ahli keluarga yang memberi semangat dan mendoakan kejayaan saya terutamanya ibunda Dg. Amit Hj. Ag. Hashim dan arwah ayahanda yang tercinta Hj. Ag. Taul Mujun. Juga kepada ahli keluarga yang dicintai buat isteri Wendy Induk @ Nurul Izzah Abdullah kerana memahami situasi kesibukan saya ketika dalam proses pembelajaran. Anak-anak yang disayangi iaitu Hana Daleela, Danish Wafid dan Humaiyra Uzma, kamu semualah bakal pencetus generasi yang gemilang.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini. Budi dan jasa serta keikhlasan anda kepada saya akan saya ingat sepanjang masa dan saya berdoa semoga Allah S.W.T membalaunya.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru dalam kalangan guru-guru di enam buah sekolah menengah daerah Sandakan Sabah. Kajian ini juga ingin melihat skor min tahap kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi guru serta komponennya di samping mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor min tahap kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi guru berdasarkan pengalaman mengajar dan kelayakan ikhtisas guru. Kajian melibatkan 216 orang responden yang terdiri daripada guru-guru terlatih. Kajian ini berbentuk deskriptif statistik dan menggunakan item soal selidik kepemimpinan pengajaran guru yang pernah digunakan oleh Mohd. Khairuddin (2010) dan mengandungi empat komponen iaitu pengurusan kurikulum, pengurusan pengajaran, iklim pembelajaran bilik darjah dan pemantauan kemajuan murid yang merangkumi 46 item. Manakala instrumen *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES) yang dibangunkan oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (2001), terbahagi kepada tiga demensi, iaitu penglibatan murid (mengukur kesungguhan guru dalam memberi dorongan kepada murid), strategi pengajaran (kesungguhan guru dalam memberi kefahaman kepada murid), dan pengurusan kelas (kesungguhan guru dalam mengawal kelas) digunakan untuk mengkaji tahap efikasi guru. Instrumen ini mengandungi 12 item. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini ialah 0.961 untuk kepemimpinan pengajaran guru dan 0.929 untuk efikasi guru. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 19.0. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan dan min serta sisihan piawai digunakan dalam kajian ini. Selain itu analisis menggunakan korelasi Pearson dan ANOVA sehala bagi menguji hipotesis kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap keseluruhan kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi berada pada tahap yang tinggi. Manakala kajian juga mendapat terdapatnya hubungan yang signifikan antara kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru secara keseluruhannya dan mengikut komponen dan dimensi. Didapati juga terdapatnya perbezaan min yang signifikan kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi guru berdasarkan pengalaman mengajar dan kelayakan ikhtisas guru.



ABSTRACT

This study intend to study relationship between teachers' instructional leadership with teacher efficacy among teachers in six Sandakan district secondary school. This study also want to find out mean score teacher instructional leadership and teacher efficacy level and the component by identify same there is score difference mean teacher instructional leadership level and teacher efficacy based on teaching experience and teacher professional qualification. Study involving 216 respondent that consisting of trained teachers. This study shaped descriptive statistic and use teacher instructional leadership questionnaire item that have been used before by Mohd. Khairuddin (2010) and contain four components namely curriculum management, teaching management, classroom studies climate and pupil progress monitoring which encompasses 46 item. While instrument of Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) that was developed by Tschannen-Moran and Woolfolk-Hoy (2001), fall into three dimension, namely pupil involvement, lesson strategy, and class management used to study teacher efficacy level. This instrument contain 12 item. Coefficient value Alpha Cronbach for the study was 0.961 for teachers' instructional leadership and 0.929 for teacher efficacy. This study analyzed by using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 19.0. Descriptive statistics such as frequency, percentage, mean and standard deviation used in this study. Apart from that analysis using correlation Pearson and One Way ANOVA to test study hypothesis. Result research showed teacher instructional leadership overall level and efficacy at high-level. Whilst research also found availability relationship that is significant between teachers' instructional leadership with overall teacher efficacy and according to component and dimensional. Also found availability difference that is significant teachers' instructional leadership and teacher efficacy based on experience teaches and professional qualification teacher.

SENARAI JADUAL

| | | |
|-------------|---|----|
| Jadual 2.1 | Model Kepemimpinan Pengajaran Weber (1996) | 31 |
| Jadual 3.1 | Tahap Analisis Min dan Skala Tafsir Bagi Analisis Dapatkan Soal Selidik | 53 |
| Jadual 3.2 | Skala Davies (1971) bagi kekuatan korelasi antara dua pemboleh ubah | 54 |
| Jadual 3.3 | Jadual Ringkas Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian | 55 |
| Jadual 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 58 |
| Jadual 4.2 | Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Guru | 58 |
| Jadual 4.3 | Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas | 59 |
| Jadual 4.4 | Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar | 60 |
| Jadual 4.5 | Analisis Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Mengikut Komponen dan Keseluruhan | 61 |
| Jadual 4.6 | Analisis Skor Min Keseluruhan Efikasi Guru dan Mengikut Dimensi | 61 |
| Jadual 4.7 | Analisis Hubungan Antara Kepemimpinan Pengajaran Guru dengan Efikasi Guru | 63 |
| Jadual 4.8 | Min Perbezaan Tahap Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 65 |
| Jadual 4.9 | Analisis Perbezaan Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 66 |
| Jadual 4.10 | Analisis Pos Hoc Tukey HSD Bagi Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 67 |
| Jadual 4.11 | Min Perbezaan Tahap Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas Guru | 68 |
| Jadual 4.12 | Analisis Perbezaan Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas | 69 |
| Jadual 4.13 | Analisis Pos Hoc Tukey HSD Bagi Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas | 70 |

| | | |
|-------------|---|----|
| Jadual 4.14 | Min Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 71 |
| Jadual 4.15 | Analisis Perbezaan Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 72 |
| Jadual 4.16 | Analisis Pos Hoc Tukey HSD Bagi Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 73 |
| Jadual 4.17 | Min Perbezaan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas Guru | 74 |
| Jadual 4.18 | Analisis Perbezaan Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas | 75 |
| Jadual 4.19 | Analisis Pos Hoc Tukey HSD Bagi Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas | 76 |
| Jadual 4.20 | Ringkasan dapatan analisis korelasi pearson dan ANOVA Sehala. | 77 |



SENARAI RAJAH

| | | |
|------------|---|----|
| Rajah 2.1 | Teori Tekanan Akademik Murphy et al. (1984) | 33 |
| Rajah 2.2 | Model Teori Kognitif Sosial | 35 |
| Rajah 2.3: | Kerangka konsep kajian | 45 |

SINGKATAN

| | |
|-------|---|
| KPG | Kepemimpinan Pengajaran Guru |
| PK | Pengurusan Kurikulum |
| PP | Pengurusan Pengajaran |
| IP | Iklim Pembelajaran Bilik Darjah |
| PKM | Pemantauan Kemajuan Murid |
| DPM | Diploma Perguruan Malaysia |
| DPLI | Diploma Perguruan Lepasan Ijazah |
| SMP | Sarjana Muda Pendidikan |
| KPLI | Kursus Perguruan Lepasan Ijazah |
| ANOVA | Analysis of Variance |
| Sig. | Signifikan |
| SPSS | Statistical Package For The Social Sciences |
| SD | Sisihan Piawai |

x

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|----------------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@ | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| <i>ABSTRACT</i> | vi |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | ix |
| SENARAI SINGKATAN | x |
| SENARAI KANDUNGAN | xi |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Soalan Kajian | 9 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 Batasan Kajian | 10 |
| 1.8 Definisi Operasi | 11 |

| | | |
|-------|-------------------------|----|
| 1.8.1 | Kepemimpinan Pengajaran | 11 |
| 1.8.2 | Efikasi Guru | 12 |
| 1.8.3 | Guru | 13 |
| 1.9 | Kesimpulan | 13 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Pengenalan | 14 |
| 2.2 | Konsep Kepemimpinan | 15 |
| 2.3 | Konsep Kepemimpinan Pengajaran | 19 |
| 2.3.1 | Keterampilan Dalam Kepemimpinan Pengajaran | 21 |
| 2.3.2 | Peranan dan Skop Kepemimpinan Pengajaran | 23 |
| 2.4 | Konsep Efikasi Guru | 28 |
| 2.5 | Model Kepemimpinan Pengajaran Weber | 31 |
| 2.6 | Teori-Teori Berkaitan Kepemimpinan Pengajaran dan Efikasi | 32 |
| 2.6.1 | Teori Tekanan Akademik Murphy et al. (1984) | 32 |
| 2.6.2 | Teori Kognitif Sosial | 34 |
| 2.7 | Kajian-Kajian Lepas | 36 |
| 2.7.1 | Kajian Berkaitan Kepemimpinan Pengajaran | 36 |
| 2.7.2 | Kajian Berkaitan Efikasi Guru | 40 |
| 2.8 | Kerangka Konseptual Kajian | 44 |
| 2.9 | Hipotesis Kajian | 45 |
| 2.10 | Kesimpulan | 46 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 47 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 47 |

| | | |
|-----|---------------------------------|----|
| 3.3 | Prosedur Kajian | 48 |
| 3.4 | Populasi dan Persampelan Kajian | 49 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 50 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 51 |
| 3.7 | Pemboleh ubah Kajian | 52 |
| 3.8 | Analisis Data | 53 |
| | 3.8.1 Rumusan Analisis Data | 55 |
| 3.9 | Kesimpulan | 56 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|------|---|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 57 |
| 4.2 | Latar Belakang Responden | 57 |
| | 4.2.1 Taburan Mengikut Jantina | 57 |
| | 4.2.2 Taburan Mengikut Taraf Pendidikan | 58 |
| | 4.2.3 Taburan Mengikut Latihan Guru/ Kelayakan Ikhtisas | 59 |
| | 4.2.4 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar | 59 |
| 4.3 | Analisis Skor Min | 60 |
| | 4.3.1 Analisis Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru | 60 |
| | 4.3.2 Analisis Skor Min Efikasi Guru | 61 |
| 4.4. | Dapatan Kajian | 62 |
| | 4.4.1 Hubungan Antara Kepemimpinan Pengajaran Guru dengan Efikasi Guru | 62 |
| | 4.4.2 Perbezaan Skor Min Kepemimpinan pengajaran Guru dan Efikasi Guru | 64 |
| | 4.4.3 Perbezaan Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 64 |

| | | |
|---------------------------------------|--|----|
| 4.4.4 | Perbezaan Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas | 68 |
| 4.4.5 | Perbezaan Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 71 |
| 4.4.6 | Perbezaan Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas. | 74 |
| 4.5. | Rumusan Dapatan Kajian | 77 |
| BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN | | |
| 5.1 | Pengenalan | 78 |
| 5.2 | Rumusan Dapatan Kajian | 78 |
| 5.3 | Dapatan Kajian dan Perbincangan | 81 |
| 5.3.1 | Tahap Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru | 81 |
| 5.3.2 | Tahap Skor Min Efikasi Guru | 82 |
| 5.3.3 | Hubungan Antara Kepemimpinan Pengajaran dengan Efikasi Guru | 84 |
| 5.3.4 | Tidak Terdapat Perbezaan Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 86 |
| 5.3.5 | Tidak Terdapat Perbezaan Skor Min Kepemimpinan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas | 87 |
| 5.3.6 | Tidak Terdapat Perbezaan Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 89 |
| 5.3.7 | Tidak Terdapat Perbezaan Skor Min Efikasi Guru Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas Guru | 90 |
| 5.4 | Implikasi Dapatan Kajian dan Cadangan | 91 |
| 5.5 | Cadangan kajian lanjutan | 92 |
| 5.6 | Kesimpulan | 94 |
| RUJUKAN | | 95 |
| SOAL SELIDIK | | |
| LAMPIRAN | | |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kejayaan pelaksanaan pembelajaran di sekolah amat bergantung kepada budaya kerja seluruh komuniti di sekolah. Dalam persekitaran pembelajaran, guru menjadi sebagai pemudahcara pembelajaran, pemimpin pedagogi yang inovatif, pencetus pemikiran murid, dan pembimbing yang sentiasa berada di sisi untuk memandu pembelajaran murid (Syed Ismail dan Ahmad Subki, 2010). Di samping itu, guru di sekolah perlu lebih mendekatkan diri mereka dengan pelajar dan menjadi pengganti ibu bapa, bertindak sebagai agen perubahan, agen sosial dan seterusnya perlu membentuk tingkah laku murid supaya benar-benar menjadi ‘manusia’ yang akhirnya dapat menjadi aset berharga kepada negara.

Sekolah merupakan satu organisasi yang berperanan sebagai institusi yang boleh melahirkan insan yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu mahu melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan serta seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Justeru, pendidikan merupakan satu-satunya kaedah yang membolehkan negara kita untuk terus melangkah ke hadapan yang setanding dengan negara maju yang lain. Guru juga adalah antara unsur yang penting dalam organisasi sesebuah sekolah. Ini kerana insan yang bernama guru merupakan penggerak kepada kandungan falsafah pendidikan kebangsaan. Tanpa guru, sesebuah sekolah tidak akan mampu menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Disamping itu, guru juga adalah pendidik dan pengasuh kanak-kanak yang akan menjadi warisan kebudayaan dan ilmu pengetahuan untuk kemajuan negara pada masa hadapan. Maka peranan yang dimainkan oleh guru dalam bidang pendidikan tidak kurang pentingnya. Selain menyebar ilmu, segala tingkah laku guru akan menjadi

contoh dan teladan kepada murid-muridnya. Oleh yang demikian, guru seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi, profesional dan sosial yang baik dan murni. Sesungguhnya tugas serta tanggungjawab guru-guru begitu besar untuk mendidik generasi akan datang. Dengan itu, kepemimpinan guru dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar sangat penting dititikberatkan kerana guru-guru mempunyai perkaitan yang rapat dengan pelajar. Malah, guru dianggap tunjang utama kepada setiap pelajar dan turut menjadi penyebab jika pelajar gagal mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dan seterusnya menjadi faktor penentu kepada kejayaan sesebuah misi pendidikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembangunan negara bangsa dan pembentukan negara maju berkait secara langsung dengan sistem pendidikan negara. Demikian juga dengan pembangunan sumber manusia dan pembangunan tenaga rakyat (Wan Mohd. Zahid, 1994). Masyarakat yang maju menganggap pendidikan sebagai satu daripada institusi yang terpenting untuk pembinaan negara. Masyarakat sedar bahawa kemajuan negara baik dari aspek pembangunan sosial, politik dan agama amat bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan sistem pendidikan negara. Justeru itu, perkembangan pendidikan yang menyeluruh dan pesat amat memerlukan pemimpin dengan penampilan ciri-ciri kepemimpinan yang berkesan ke arah pencapaian falsafah dan aspirasi pendidikan negara.

Sekolah sebagai sebuah sistem sosial mempunyai perancangan yang tersusun ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan. Pencapaian matlamat organisasi sosial perlulah selaras dan relevan dengan pencapaian matlamat individu dalam organisasi. Kepemimpinan guru juga merupakan satu proses penambahbaikan terhadap pengurusan dan perjalanan sekolah. Kepemimpinan guru seringkali melibatkan pelaksanaan aktiviti dan program yang berbeza daripada yang dibuat pada masa lalu. Oleh yang demikian, peranan guru ialah berhadapan dengan pengurusan perubahan. Kepimpinan guru diperlukan untuk mengurus proses perubahan (Syed Ismail dan Ahmad Subki, 2010). Dalam masa yang sama juga, guru perlu memimpin rakan-rakan sejawat supaya

melakukan pembelajaran inovatif serta melaksanakan tugas dengan cara yang lebih baik dan berkesan.

Guru sebagai pemimpin di dalam sekolah dan setiap unit di sekolah perlu mengarah dan menyeleraskan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat kumpulan itu. Terdapat persetujuan yang menyeluruh bahawa kemajuan sekolah ialah fungsi secara langsung kepemimpinan. Tidak ada program kualiti di sekolah akan berjaya tanpa kepemimpinan yang sesuai kerana hanya kepemimpinan yang dinamik sahaja boleh mewujudkan komitmen yang mendorong strategi (West Burnham, 2007).

Memandangkan guru-guru menjadi tulang belakang kepada sistem pendidikan yang mana mereka ini menjadi tonggak yang bakal merealisasikan dasar pendidikan, maka profesion perguruan perlu berkembang dengan pesat. Di samping itu, pengurusan ini mestilah sentiasa mengalami proses penambahbaikan berterusan agar mereka mampu untuk menangani perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan. Antara aspek yang harus diberikan tumpuan ialah kepemimpinan pengajaran dan efikasi dalam kalangan guru. Pemimpin yang mantap akan dapat mengawal persekitaran yang berubah, bergolak dan mencabar. Pemimpin harus mampu bertahan dan bersaing untuk mencipta kejayaan (Wan Mohd. Zahid, 1993). Oleh itu menurut Mohd. Khairuddin (2010), aset semula jadi sekolah iaitu para guru perlu digerakkan bagi menyokong dan mendorong organisasi sekolah untuk mencapai matlamat dan kecemerlangan yang telah ditetapkan.

Menurut Mohd. Khairuddin (2010) lagi, kepemimpinan adalah antara elemen penting dalam usaha menterjemahkan hasrat mengapai pendidikan bermutu dan bertaraf dunia. Menurut beliau lagi, salah satu aspek yang perlu diberikan perhatian ialah kepemimpinan pengajaran guru. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kepemimpinan pengajaran telah lama menjadi agenda penting khususnya dalam kalangan pengurus pendidikan namun amat jarang yang melibatkan para guru. Sesetengah pengkaji berpendapat bahawa kepemimpinan pengajaran adalah salah satu cabang dalam kepemimpinan pendidikan.

Pada amnya, kepemimpinan didefinisikan sebagai seni atau proses mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi (Syed Ismail dan Ahmad Subki, 2010). Sebaik-baiknya, manusia patut digalakkan untuk menanam kegigihan, keazaman dan keyakinan untuk bekerja. Sebagai para pemimpin, guru seharusnya tidak menekan atau menghasut sesuatu kumpulan murid dari belakang. Dalam kontek kepemimpinan pengajaran pula, para guru memainkan peranan penting melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Mereka menterjemahkan hasrat yang ingin dicapai oleh sekolah. Oleh itu, guru-guru yang efisyen akan berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan tugas pengajaran di sekolah.

Pemikiran kepemimpinan pengajaran mula berkembang luas di Amerika Utara sebelum pemikiran ini berkembang ke Britain. Bagaimanapun para pengkaji pendidikan di Britain lebih gemar menggunakan kepemimpinan pendidikan atau kepemimpinan pedagogi berbanding dengan istilah yang sering digunakan di Amerika Utara iaitu kepemimpinan pengajaran (Southworth, 2002). Beliau mendefinisikan peranan kepemimpinan guru adalah berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran termasuk pembelajaran profesion guru-guru dan juga perkembangan murid.

Kepemimpinan pengajaran atau pedagogi menjadi semakin bertambah penting dalam sistem persekolahan Malaysia kerana peperiksaan awam adalah aspek yang menjadi tumpuan segenap lapisan masyarakat. Keputusan peperiksaan sering dijadikan ukuran kejayaan dan keberkesanannya sekolah. Justeru, guru sebagai pemimpin pengajaran yang juga berfungsi sebagai pemimpin berkesan, perlu memainkan peranan kepemimpinan pengajaran dengan lebih mantap lagi apabila inginkan kejayaan sekolahnya.

Glickman (1985) menyenaraikan lima tugas utama kepemimpinan pengajaran iaitu pembantu terus kepada para guru, perkembangan kumpulan, perkembangan staf, perkembangan kurikulum, dan kajian tindakan. Beliau mencatatkan bahawa tugas-tugas ini merupakan kesepaduan yang menyatukan keperluan guru dengan matlamat sekolah. Amalan umum kepemimpinan pengajaran ialah memperkuuhkan secara khusus

penentuan perlakuan dan kemahiran para guru, membuka ruang dialog berkenaan masalah-masalah yang berlaku semasa pengajaran di bilik darjah, perkembangan kurikulum dan staf serta membantu para guru membina pengetahuan profesional dan kemahiran-kemahiran pedagogi (Pajak, 1989).

Dalam usaha menjadi guru yang berkesan, keupayaan guru mengajar adalah lebih kuat pengaruhnya terhadap keberkesanan mengajar. Oleh itu, isu lain yang turut diberikan perhatian sewajarnya selain daripada aspek kepemimpinan pengajaran guru ialah efikasi guru. Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa efikasi guru memberi pengaruh yang besar terhadap keberkesanan pengajaran dan seterusnya mencorakkan kepada pencapaian pelajar. Secara umumnya efikasi menurut Ebmeier (2003) yang dipetik melalui Rafisah (2009) merupakan kepercayaan individu terhadap kebolehannya sendiri untuk mencapai kejayaan dalam situasi yang tertentu. Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998) pula merujuk efikasi guru sebagai kepercayaan guru akan keupayaan diri untuk menyusun atur dan melakukan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik. Dengan lain perkatan, efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru akan keupayaan diri untuk mengajar dalam situasi pengajaran.

Bandura (1997) dalam Khalid et al. (2009) mendefinisikan efikasi guru sebagai kepercayaan guru terhadap keupayaan diri untuk mengendalikan pengajaran secara berkesan ke arah mempengaruhi pencapaian pelajar. Tambah Bandura lagi, kesungguhan guru dalam mempengaruhi pencapaian murid adalah merujuk kepada konstruk efikasi guru. Guru melakukan pertimbangan terhadap keupayaan diri dalam mempengaruhi hasil pembelajaran murid.

Efikasi guru seringkali dikaitkan sebagai kunci kepada peningkatan kualiti sesebuah sekolah dan didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan beberapa dapatan kajian seperti tingkah laku guru di bilik darjah, pembelajaran murid serta perubahan guru melalui perkembangan staf (Smylie, 1988).

1.3 Pernyataan Masalah

Guru adalah aset penting sesebuah sekolah dan kerana itu mereka perlu dijaga dan diberi perhatian sewajarnya. Melahirkan sumber manusia yang aktif, kreatif dan sentiasa berinovatif bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh dianggap ringan. Apa lagi untuk mengekalkan mereka di dalam sesebuah organisasi. Ini adalah kerana kesetiaan anggota pekerja bukanlah perkara yang boleh ditetapkan atau dipaksa. Akan tetapi ianya boleh dibentuk dan seterusnya dikenalkan di dalam diri anggota pekerja terlibat. Cara mana ianya dibentuk, bergantung kepada pendekatan yang diamalkan mengikut kehendak organisasi tersebut. Ini bermakna, pihak atasan termasuk kepemimpinan dan kepengurusan Pengetua, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keterlibatan guru-guru yang menjadi satu daripada faktor penentu kepada pencapaian akademik pelajar (Saadatul Adzima, 1996).

Kepemimpinan adalah komponen penting dalam menentukan penambahbaikan keberkesanan sekolah. Kekuatan dan kualiti kepemimpinan terletak pada keupayaan menginstitusikan dan merealisasikan visi dan misi yang diterapkan dalam sekolah di bawah pimpinan pentadbir. Kedua-dua komponen ini pula ditentukan oleh proses pemahaman dan penghayatan yang terkandung secara menyeluruh dalam minda pemimpin khususnya barisan pelaksana, iaitu guru. Sehubungan dengan itu, Nathan (2001) menyarankan proses kepemimpinan di sekolah dewasa ini memerlukan anjakan paradigma daripada pengetua kepada guru walau pun menyedari perubahan kepemimpinan tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang singkat. Walaupun pendekatan ini mencabar konsep tradisi kepemimpinan sedia ada, tetapi pada hakikatnya ia memerlukan guru dan pentadbir melihat dan menerima tanggungjawab dan peranan dalam perspektif yang berbeza.

Dalam perkembangan isu peranan kepemimpinan dalam pendidikan, didapati banyak kajian dilakukan terhadap kepemimpinan pengetua sahaja berbanding peranan kepemimpinan guru di dalam bilik darjah (Crowther, 1997; Sashkin & Sashkin, 1993). Ini menyebabkan kebanyakan guru mempunyai persepsi yang tidak tepat tentang kepemimpinan bilik darjah kerana mereka menganggap peranan kepimpinan terletak di

bahu pengetua atau pentadbir sekolah. Persepsi ini perlu diperbetulkan seperti yang disarankan oleh Blase dan Blase (1998) bahawa asas kejayaan sebuah sekolah yang berjaya bukanlah disebabkan oleh kepemimpinan pengajaran pengetua atau guru besar sahaja tetapi adalah didorong oleh kordinasi dan kolaborasi para guru selaku pemimpin pengajaran manakala pengetua adalah sebagai penyalaras atau pentadbir sahaja.

Sparks (2003) dalam Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010) berpendapat bahawa guru adalah agen-agen perubahan yang penting dalam memastikan sekolah mereka menjadi sekolah yang berkesan. Guru sebagai agen perubahan perlu dijadikan agenda penting iaitu mempunyai ciri-ciri kepemimpinan bilik darjah yang berkesan dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya kualiti dan keberkesanan sekolah dapat ditingkatkan. Ini kerana guru seringkali dikaitkan sebagai kunci kepada sesebuah sekolah dan didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan beberapa dapatan kajian seperti tingkah laku guru di bilik darjah, pembelajaran murid serta perubahan guru melalui perkembangan staf.

Matlamat umum kepemimpinan pengajaran ialah untuk membaiki atau mengekalkan keadaan-keadaan yang menggalakkan pembelajaran murid. Ini kerana guru-guru yang tinggi tahap efikasinya sentiasa menetapkan matlamat dan merancang strategi-strategi supaya murid-muridnya sentiasa belajar (Ashton, 1984). Kemahiran dan kecekapan kepemimpinan pengajaran yang diamalkan pentadbir sebuah sekolah perlu diturunkan kepada guru-guru. Dembo dan Gibson (1985) mendapati bahawa faktor organisasi yang boleh meningkatkan efikasi guru ialah gaya pengetua berinteraksi dan berhubung dengan guru-gurunya dan peluang guru-guru membuat keputusan bersama. Lantaran itu, pihak pentadbiran sekolah perlu mengambil berat memimpin guru ke arah kecemerlangan dalam program pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pengurusan yang merangkumi penilaian guru dan murid, iklim sekolah, kurikulum, kaedah membuat keputusan dan komunikasi.

Dalam hal ini, pihak pengurusan sekolah perlu menyedari apabila kepemimpinan guru terserlah maka sekolah berfungsi dengan lebih berkesan dan efisien. Malahan kepemimpinan guru diharap dapat membantu pentadbiran sekolah dalam merealisasikan

usaha-usaha penambahbaikan sekolah. Guru-guru sebenarnya berpotensi menjadi pemimpin yang berjaya dan menonjol apabila sekolah memberi mereka peluang mengambil bahagian, berdialog, berbincang, dan membuat refleksi (Abdul Ghani, 2009). Oleh itu, kepemimpinan pengajaran di sekolah amat memerlukan guru-guru yang berpengetahuan tinggi dan berkaitan dengan pendidikan supaya pemimpin pengajaran berkenaan merasa yakin ke atas keupayaan kepemimpinannya. Ini kerana menurut Tschannen-Moran et al. (1998), terdapat tiga elemen utama yang mempengaruhi efikasi kendiri guru iaitu melibatkan keyakinan diri guru, pengalaman yang diperolehi dan pengetahuan guru terhadap mata pelajaran yang diajar. Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, maka pengkaji ingin mengenalpasti berkenaan sejauhmanakah tahap kepemimpinan pengajaran guru dan seterusnya melihat tahap efikasi guru di samping mengenalpasti adakah terdapatnya hubungan antara kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini memberikan fokus yang besar terhadap perhubungan kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan Sabah. Berdasarkan permasalahan kajian di atas maka objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kepemimpinan pengajaran guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah.
2. Mengenal pasti tahap efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah.
3. Menentukan aras hubungan antara kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah.
4. Menentukan perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan pengalaman mengajar.
5. Menentukan perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan kelayakan ikhtisas.

6. Menentukan perbezaan skor min efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan pengalaman mengajar.
7. Menentukan perbezaan skor min efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan Sabah dari aspek kelayakan ikhtisas.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan seperti berikut:

1. Apakah tahap kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah ?
2. Adakah terdapat hubungan antara kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah ?
3. Adakah terdapat perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan pengalaman mengajar ?
4. Adakah terdapat perbezaan skor min kepemimpinan pengajaran guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan kelayakan ikhtisas ?
5. Adakah terdapat perbezaan skor min efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan pengalaman mengajar ?
6. Adakah terdapat perbezaan skor min efikasi guru sekolah menengah di daerah Sandakan, Sabah berdasarkan kelayakan ikhtisas ?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi guru amat penting dalam konteks pendidikan. Kepentingan keberkesanan sekolah sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Ini kerana faktor-faktor yang menyumbang ke arah sekolah berkesan adalah pelbagai dan komplek untuk merencana program-program ke arah mewujudkan sekolah berkesan (Sazali et al., 2004). Kajian berkaitan kepemimpinan pengajaran guru dan efikasi guru penting dalam konteks pendidikan kerana kedua-dua variabel ini memberikan impak kepada keupayaan sekolah untuk menghadapi cabaran.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan juga bahawa dapatan kajian ini akan dapat memberi maklumat mengenai kepemimpinan pengajaran yang amat penting untuk membantu para guru dalam membimbing, membantu dan mendorong guru-guru lain serta para pelajar dalam meningkatkan prestasi tugas dan pencapaian akademik mereka. Kajian ini juga diharapkan menjadi pemangkin ke arah peningkatan efikasi guru. Ini kerana menurut Wood dan Bandura (1989), individu yang mempunyai tahap efikasi yang tinggi akan bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama jika dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi yang rendah.

Kajian ini juga dapat membekalkan maklumat kepada pegawai-pegawai di peringkat atasan dalam menentukan aspek-aspek kepemimpinan pengajaran yang perlu diberikan keutamaan apabila menyusun kursus-kursus dalam perkhidmatan atau program perkembangan profesional untuk pemimpin pengajaran terutamanya para guru. Dapatan kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh para guru bagi meninjau, mengkaji, serta menilai kelemahan dan kekuatan mereka dalam melaksanakan kepemimpinan pengajaran di sekolah masing-masing.

Dapat menimbulkan kesedaran kepada para guru bahawa terdapat satu lagi faktor yang menyumbang ke arah sekolah berkesan dan kepemimpinan yang cemerlang yang dapat membantu dalam tugas yang serba mencabar ini iaitu efikasi guru. Guru adalah aset penting dalam usaha melonjakkan sistem pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Guru yang mempunyai tahap efikasi yang tinggi akan mampu menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan. Oleh itu, adalah diharapkan agar pihak yang terbabit tidak akan mengabaikan aspek ini dalam merangka hala tuju sekolah yang selama ini lebih memfokuskan kepada kemenjadian murid daripada profesionalisme guru.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kepemimpinan pengajaran guru dengan efikasi guru. Kajian ini hanya difokuskan kepada empat komponen di dalam kepemimpinan pengajaran guru dan tiga komponen dalam efikasi guru di sekolah

BIBLIOGRAFI

- Abd Rahim Abd Rashid. 1999. *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md Din dan Mohamad Haron (2000). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghani Abdullah. 2009. *Kepimpinan Dan Penambahbaikan Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari, Noran Fauziah Yaakub dan Rosna Awang Hashim. 2004. Peranan Pengalaman Mengajar Dalam Hubungan Antara Komitmen Terhadap Profesion Dengan Prestasi Kerja. *IJMS* 11 (SPECIAL ISSUE), 185-186.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah. 2007. *Guru Sebagai Pemimpin*. Selangor Darul Ehsan: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1997. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Tajuddin bin Abd. Hamid. 1989. *Pengurusan Pengetua Dalam Kepimpinan Pengajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Albion, Peter. 1999. *Self-efficacy beliefs as an indicator of teachers' preparedness for teaching with technology*. In: 10th International Conference of the Society for Information Technology & Teacher Education (SITE 1999), 28 Feb - 4 March 4 1999, San Antonio, TX, United States.
- Alig-MielCarek, J. M. 2003. *A model of School Success: Instructional Leadership, Academic Press and Student Achievement*. Ohio: Ohio State University.
- Allinder, R. M. 1995. *An Examination of The Relationship Between Teacher Efficacy And Curriculum-Base Measurement*. Remedial & Special Education. **16** (4): 247-254
- Andi Audryanah Mohd Noor. 2007. *Kepimpinan Pengajaran dan Efikasi Kendiri Pengetua Sekolah Menengah dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Sekolah*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ashton, P. 1984. *Teacher Efficacy: A Motivational Paradigm For Effective Teacher Education*. Journal of Teacher Education. **35**(5): 28-32.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, Abd. Rahman Hj Abd. Aziz. 2005. *Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Jilid 1.

- Baker, T. L. 1994. *Doing Social Research. 2nd Edition.* New York: Mc Graw-Hill Inc.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory.* New York: McGraw-Hill.
- Bandura, A. 1982. *Self-Efficacy Mechanism in Human Agency.* American Psychologist. **37** (2): 122-147.
- Bandura, A. 1986. *Social Foundations of Thought And Action: A Social Cognitive Theory.* New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Bandura, A. 1977. *Self-efficacy: Toward A Unifying Theory of Behavioral Change.* Psychological Review. **84**: 191-215.
- Bandura, A. 1997. *Self-Efficacy: The Exercise of Control.* New York: W.H. Freeman.
- Barth, R. S. 2001. *Improving School From Within.* San Francisco: Jossey Bass.
- Bede John. 2006. *Ketua Panitia Mata Pelajaran Sebagai Pemimpin Pengajaran.* Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Blake, J. A. & Champion, D. J. 1976. *Method and Issues in Social Research.* New York: John Wiley and Sons.
- Blase, J. dan Blase, J. 1998. *Handbook Of Instructional Leadership. How Really Good Principals Promote Teaching And Learning.* Thousand Oaks, CA: Corwin.
- Certo, S.C. 1985. *Principles of Modern Management.* Dubuque: Wm Brothers Publishers.
- Chee Kim Mang. 2008. *Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan Dari Perspektif Pentadbir sekolah.* Jurnal Pendidik dan Pendidikan. **23**: 49-67.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2.* Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Coladarci, T. 1992. *Teachers' Sense of Efficacy And Commitment To Teaching.* Journal of Experimental Education. **60** (4): 323-337.
- Cremeer, B. 1992. *School Effectiveness: Effective Instruction and School Improvement In the Netherlands.* Dlm Reynolds, D. & Cuttance, P. (ed). *School Effectiveness Research, Policy and Practice.* New York: Cassell.
- Crowther, F. 1997. The William Walker Oration, 1996: *Unsung Heroes: The Leader In Our Classroom.* Journal of Educational Administration. **35**(1): 5-17.
- C Cuban, L. 1984. *Transforming The Frog Into A Prince: Effective School Research, Policy And Practice At The District Level.* Harvard Education Review. **54**(2): 129- 151.

David Lim Chong Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md Yassin, Mohd Kidin Shshran, Alias Mohd Yatim dan Abdul Razak Habib. 2010. *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Open Universiti Malaysia.

Davies, J. A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.

Dean, J. 1985. *Managing The Secondary School*. London & Synder: Croom Helm.

Dembo, M. H., & Gibson, S. 1985. *Teachers' Sence of Efficacy: An Important Factor In School Improvement*. The Elementary School Journal. **86**(2): 173-184.

Doneta J. Cothran, Pamela Hodges Kulina dan Deborah A. Farrahy. 2003. "This Is Kind of Giving A Secret Away...": Students' Perspectives On Effective Class Management. *Teaching And Teacher Education*. **19**(4): 435 – 444.

Ebmeier, H. dan Nicklaus, J. 1999. *The Impact of Peer And Principal Collaborative Supervision On Teachers' Trust, Commitment, Desire For Collaboration, And Efficacy*. *Journal of Curriculum and Supervision*. **14**(4): 351–378.

Erni Lewa. 2009. *Hubungan Kepimpinan Pentadbiran dengan Iklim Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah Daerah Sempurna Sabah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Gibson, S. dan Dembo, M. 1984. *Teacher Efficacy: A Construct Validation*. *Journal of Educational Psychology*. **76**(4): 569-582.

Glickman, C.D. 1985. *Supervision of Instruction: A Developmental Approach*. Boston: Allyn & Bacon.

Guskey, T. R. 1988. *Teacher Efficacy, Self Concept, And Attitudes Toward the Implementation Of Instructional Innovation*. *Teaching and teacher education*. **4**(1): 63-69.

Hallinger, P dan McCary, C. E. 1990. *Developing the Strategic Thinking of Instructional Leaders, The Elementary School Journal*. **91**(2): 89-108

Hallinger, P., & Murphy, J. 1985. instructional leadership and school socio-economic status: a preliminary investigation. *Administrator's Notebook*. **31**(5): 1-4.

Haris, A dan Muijs, D. 2005. *Teacher leadership: A review of research*. University of Warwick.

Hoy, W. K., & Woolfolk, A.E. 1993. Teacher's sense of efficacy and the organizational health of shools. *Elementary School Journal*. **93**(4): 355-372.

Hussein Mahmood . 1993. *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indra Devi, S. 1997. "Kesediaan Sekolah Untuk Melaksanakan Kurikulum Baru Sains Sekolah Rendah". Jurnal Akademik. MPIK . xv. 14-26.

Jasmi Md Isa. 2009. *Gaya Kepimpinan Pengetua Dan Kepuasan Kerja Guru: Kajian Perbandingan Antara SMKA dan SMK*. Tesis Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia.

Kamus Dewan, 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini Baharun .2002. " Sekolah Bestari : Pedagogi Abad Ke-21 dan Keprofesionalism. Jurnal Pendidikan Guru Bahagian Pendidikan Guru. **15**: 12-15.

Katzenmeyer, M dan Moller, G. 2005. *Awakening The Sleeping Giant: Helping Teachers Develop As Leaders*. Thousand Oaks, California: Corwin Press.

Khalid Johori. 2009. *Pola Efikasi Guru-Guru Novis Sekolah Menengah*. Malaysian Journal of Learning and Instruction. Volume **6**: 141-151.

Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. *Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan Malaysia. **34**(2):3-14.

Krejcie, R., & Morgan, D. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement. **30**: 607-610.

Krug, S. E. 1992. *Instructional Leadership: A Constructivism Perspective*. Educational Administration Quarterly.

Lieberman, A. 2000. *Networks As Learning Communities*. Journal of Teacher Education. **51**(3): 221-227.

Martin, Nancy K, Baldwin, dan Beatrice. 1996. *Classroom management – Psychological aspects First year teacher*. Elementary School Guidance & Counseling. **31**(2):106-114 (atas talian) <http://search.epnet.com/direct.asp?an=9703066775&db=af> Dicetak 20 Oktober 2012.

Masitah Mohd. Yusof, Azizi Muda, Ahmad Makmom, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Noriati A. Rashid dan Mohamed Khadir Alias. 2011. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah di Malaysia dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar*. Malaysian Journal of Environmental Management. **12**(2): 91-111.

Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd. Khairuddin Abdullah @ Jerry. 2010. *Hubungan Antara Kepemimpinan Pengajaran, Efikasi Pengajaran dan Sikap Guru Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) Sekolah rendah di Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.

Mohd. Najib Abdul Ghafar 2001. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Nor Bin Jaafar. 2004. *Kepemimpinan Pengajaran Guru Besar, Komitmen dan Kepuasan Kerja Guru: Satu Kajian Perbandingan dan Hubungan Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Mok Soon Sang (2000). *Pedagogi II: Perlaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti. 1-54.

Nathan, M. 2001. *Pastoral Leadership: A Guide To Improving Your Management Skills*. New York: Routledge Falmer.

Norsilawati Yusof. 1998. *Keberkesanan Kepimpinan Pengajaran Pengetua Dalam Mempengaruhi Prestasi Akademik Pelajar Dari Perspektif Guru (Satu kajian perbandingan)*. Tesis Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

Nurahimah dan Rafisah. 2010. *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah Dengan Efikasi Guru*. Asia Pasific Journal of Education and Education. Vol. 25: 53-71.

Omardin Ashaari. 1999. *Pengurusan Persatuan. Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Pajak, E. 1989. *Indentification of Supervision Proficiencies Project*. Alexandria, VA: ASAD

Pajares, F. 2002. *Overview Of School Cognitive Theory And Of Self-Efficacy*. <http://www.emory.edu/education/mfp/eff.html>. 2.2.2009

Peterson, K. D. 1987. *Administrative Control And Instructional Leadership*. dlm. Greenfield, W. (pnyt).: *Instructional Leadership: Concepts, Issues, And Controversies*. Boston: Allyn and Bacon, Inc. :139-152.

Polit, D. F., Beck, C. T., & Hungler, B. P. 2001. *Essential of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization. 5th Edition*. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.

Rafisah bt Osman. 2009. *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Dengan Komitmen dan Efikasi Guru*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.

Rahimah Jamalaluddin, Rosini Abu, Abdullah Mat Rashid, dan Habsah Ismail. 2012. *Tahap Efikasi Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Kekeluargaan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012.

Rashid Mohammed Salim Alhajri. 2007. *Teachers' Beliefs and Self Efficacy in Computer Technology Integration for Teaching and Learning: A Comparative Study Between Oman and Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Rebecca Giallo dan Emma Little. 2003. *Classroom behaviour problems: the relationship between preparedness, classroom experiences, and self-efficacy in graduate and student teachers*. Australian Journal of Education & Development Psychology. Vol 3, 2003, pp 21-34.

Rosli Katiman. 2005. *Hubungan Kerja Berpasukan Dengan Komitmen, Kejelekitan dan Prestasi Ahli Dalam Panitia Matematik Di Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat, Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Ross, J. A. 1994. *Beliefs that make a difference: The origins and impacts of teacher efficacy*. Paper presented at The Annual Meeting of The Canadian Association for Curriculum Studies. Calgary, Alberta.

Saadatul Adzima bt Haji Mohd. Saad. 1996. *Faktor Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian Tentang Korelasi Gaya Kepemimpinan, Gelagat Kepengurusan Pengetua Dan Iltizam Guru*. Tesis Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia.

Sashkin, M. & Sashkin, M. G. 1993. *Leadership And Culture Building In Schools*. Dim.

Sazali Yusof, Zurida Ismail, & Mustapa Kassim. 2004. *Pengaruh efikasi-kendiri guru besar terhadap sekolah berkesan*. Jurnal Pengurusan Pendidikan, IAB: KPM. 14(1): 34-44.

Senemoglu, N dan Demirel, M. 2009. *Elementary School Teacher's Efficacy Belief: A Turkish Case*. Humanity and Social Journal. 4(2): 167-171.

Shidler, L. 2009. *The impact of time spent coaching for teacher efficacy on student achievement*. Early Childhood Education. 36, 453-460.

Smylie, M. A. 1988. *The Enhancement Function of Staff Development: Organization and Psychological Antecedent to Individual Teacher Change*. American Educational Research Journal. 25(1): 1-30.

Southworth, G. 2002. *Instructional Leadership In Schools: Reflections And Empirical Evidence*. School Leadership and Management. 22(1): 73-92.

- Strahan, D. B. 1989. *How experienced and novice teachers frame their views of instruction: An analysis of semantic ordered trees*. Teaching and Teacher Education. **5**: 53-67.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Taylor, P. 2003. *Educational Leadership*. Article Emergency Librarian. **21** (3).
- Teng Lung Kiu. 2006. *Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah di Negeri Serawak*. PhD Thesis. Universiti Putra Malaysia.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A.W. dan Hoy, W.K. 1998. *Teacher Efficacy: Its Meaning And Measure*. Review of Educational Research. **68**(2): 202-248.
- Tschannen-Moran, M & Woolfolk Hoy, A. 2001. *Teacher Efficacy: Capturing An Elusive Construct*. Teaching and Teacher Education. **17**: 783-805.
- Wan Haslina Wan Zaharudin .2003. *Efikasi Kendiri Dan Masalah Di Kalangan Pelajar Cacat Penglihatan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin. 1993. *Pengisian Wawasan Pendidikan*. Kertas Kerja dalam Persidangan Pendidikan Nasional. Institut Aminuddin Baki, Genting, 8-11 April.
- Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd.
- West Burnham, J. 2007. *Mengurus Kualiti di Sekolah*. (terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Wood, R., & Bandura, A. 1989. *Social Cognitive Theory of Organizational Management*. The Academy of Management Review. **14**(3): 361-384.
- Woolfolk-Hoy, A. 2000. *Changes In Teacher Efficacy During The Early Years of Teaching*. Paper Presented At The Annual Meeting of The American Educational Research Association, New Orleans, LA. Session 43:22, *Qualitative and Quantitative Approaches to Examining Efficacy in Teaching and Learning*.
- Yahya Don. 2005. *Kepemimpinan Pendidikan di Malaysia*. Pahang Darul Makmur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Yin Cheong Cheng. 1996. *School Effectiveness And School Based Management: A Mechanism For Development*. London: The Falmer Press.
- YukI,G.A. 2002. *Leadership In Organizations* (5thed.). Upper Saddle River.Nr: Prentice.

Yusof Jasmin. 2007. *Pengaruh Kepemimpinan Pengajaran Guru Besar Dan Pelaksanaan Tugas Guru Ke Atas Amalan Pengajaran Berkesan Di Sekolah Kurang Murid.* Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Teng Lung Kiu, Foo Say Foii,Zakaria Kasa & Jegak Uli. 2008. *Hubungan Kepimpinan Transformational Pengetua dengan Efikasi Kendiri Guru.* Malaysia Education Dean's Council Journal, Vol. 2.